

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ [BACHOK]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauhmana kesedaran pengguna terhadap sistem pengangkutan awam di negara ini.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan pengangkutan awam menjadi salah satu faktor pengukur kemajuan sesebuah negara. Di Malaysia, perkhidmatan pengangkutan awam ditunjangi oleh perkhidmatan rel yang disokong oleh perkhidmatan sekunder seperti bas, teksi dan yang terkini, *e-hailing*.
2. Corak penggunaan pengangkutan awam di negara ini saban tahun menunjukkan peningkatan. Bagi tempoh 2016 hingga 2018, jumlah penumpang tahunan bagi pengangkutan awam di negara ini merekodkan pertumbuhan sebanyak 2%. Di Lembah Klang khususnya, jumlah penumpang tahunan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4% dengan peningkatan 7,000 ke 20,000 penumpang tahunan bagi tempoh 2016 hingga 2018. Bagi tempoh Januari hingga Mei 2019 pula, jumlah purata penumpang harian di Lembah Klang mencapai 1,303,161 penumpang sehari berbanding 1,288,970 penumpang sehari bagi tempoh yang sama pada tahun 2018.

3. Peningkatan corak tersebut menunjukkan kesedaran rakyat di negara ini terhadap manfaat menggunakan pengangkutan awam yang lebih menjimatkan kos dan masa perjalanan, selesa dan mudah diakses. Kerajaan juga komited untuk terus menambahbaik sektor pengangkutan awam di negara ini agar ia terus menjadi mod pilihan rakyat untuk pergerakan harian.

Sekian, terima kasih.